

Aduan Pertama ♦ Bayaran telah dibuat sebanyak RM989 untuk package family, kami membuat tempahan ingin bercuti tiada maklum balas daripada pihak syarikat, kami amat kesali tiada maklum balas dan tidak bertanggungjawab daripada syarikat ini !! saya berharap pihak pengguna ambil tindakan sewajarnya dan ramai juga orang terperakap agensi pelangongan ini . saya harap pihak tuan ambil tindakan dengan segera !! ♦

Aduan Kedua ♦ Saya telah di pujuk untuk menyertai pakej percutian di Malaysia dan Indonesia semasa bercuti bersama keluarga di Melaka. Saya telah mengisi borang keahlian seumur hidup iTune Pakej B dan membayar secara tunai RM 689. Saya telah dijanjikan percutian percuma 4hari 3malam. Saya juga telah di beri kad keahlian pada hari yang sama. Pada bulan Disember 2010 saya membuat tempahan percutian di Sabah tetapi hanya mendapat nama senarai hotel dan harga tempahan bilik. Pada 21.01.2011 saya cuba beberapa kali membuat panggilan telefon untuk tuntutan pekej dan tempahan percutian bersama keluarga tetapi semua nombor tiada jawapan. Saya merasakan diri saya telah di tipu oleh iTune Management Sdn Bhd dan semua pekerjaanya. ♦

Aduan Ketiga ♦ I am writing to you today to convey my utter annoyance and concern towards how I was sold itune membership with false promises. I felt cheated and depressed after talking to the manager at itune Managment. I was told by itune sales agent that Itune is a subsidiary company of Air Asia. I was also told by the sales agent that I will get discount on Airasia tickets however it's clearly mentioned in the company's booklet that there is no such discount on Airasia flight tickets. After going to thorough the website and talking to Manager I also came to know that Itune is not an Airasia company. The sales agent also promised a discount of 30% on international hotels however the companies' booklet clearly specifies that the discount on international hotels is only up to 15%. Sales agent promised me that everything can be checked on the company's website and the bookings can be made online as well however to my shock I found out that itune doesn't have a professional website and the current website is not working at all. I was told that I will get a free 3night & 4 day stay in a 3* or a 4* hotel either in Malaysia or in Indonesia and I can check the list of hotels online however there was nothing such on you website in fact the website is not working at all. Though I was asking the sales agent to show a broacher of the company or company website, I was told that I can check it later and they do not have any thing available now. I sent an email to the manager at itune with my concerns a requesting her to cancel my membership and requested her to acknowledge a receipt of my email. Though she said that she will reply to my email she never sent me an acknowledgement. Also when i called itune office today to discuss my issues my call was not handled properly. I was kept on hold for a long time when I disconnected and called back I was told that the person in charge is not in. I had to call again and again several time to talk to the person in charge. ♦

Aduan Keempat ♦ Syarikat iTune menjanjikan free gift kepada customer. Namun tiada sebarang free gift yang didapati. ♦ Bayaran sebanyak RM 689 telah dibuat. Syarikat menjanjikan perkhidmatan percuma penginapan 4 hari 3 malam tetapi setelah dibooking, pengguna perlu menambah wang sendiri. ♦

Aduan Kelima ♦ Saya telah menjadi ahli iTune yang membolehkan saya untuk mendapat potongan harga bagi tempahan hotel dan tiket penerbangan diluar dan didalam negara. saya telah membayar RM 689.00 untuk menjadi ahli. Saya juga telah diberi secara percuma penginapan di Kuala Teregganu pada 18/12/2010 hingga 21/12/2010 sebaik sahaja saya menjadi ahli. Saya difahamkan oleh sales marketing yang semua urusan penempahan hotel pada tarikh yang ditetapkan akan diuruskan oleh pihak mereka. Pihak iTune

memaklumkan kepada saya bahawa mereka akan menghubungi saya untuk pengesahan penempahan seminggu sebelum saya bertolak ke Kuala Terengganu. Saya turut membuat tempahan untuk ke cameron highland pada 21/12/2010 hingga 23/12/2010 dan mereka turut mengatakan mereka akan menghubungi saya untuk pengesahan. Malangnya pengesahan untuk saya dan keluarga ke Kuala Terengganu dan cameron highland tidak saya perolehi seperti yang dijanjikan sama ada melalui telefon mahupun email. Maka saya mengambil langkah untuk menghubungi mereka pada 13/12/2010 untuk mengetahui status penempahan hotel saya, malangnya jawapan yang saya terima amat tidak memuaskan. Pihak iTune management mengatakan bahawa saya tidak membuat tempahan di kedua-dua hotel yang akan kami menginap dan mereka juga mengatakan semua hotel dan resort di Malaysia sudah penuh pada tarikh yang saya inginkan. Selepas itu saya telah membuat tempahan sendiri melalui internet dan boleh membuat tempahan mengikut tarikh yang saya inginkan iaitu pada 18/12/2010 hingga 21/12/2010. Ini menunjukan syarikat ini telah menipu kami dan mereka tiada sikap bertanggungjawab terhadap pelanggan. ♦

Aduan

Keenam
♦On 18th Oct at Tesco Kajang I visited I-tune counter and signed up a VIPs package that came with Promotion of free accommodations for 5 days 4 nights and the other free gifts include touch and go card with some money loaded in the card as well as cash vouchers for purchases of items such as motorbikes etc. However the counter ran out of these free gifts and the sales lady promised to send to my home address but after waiting for almost three weeks the free gifts never arrived and has sms and called the sales she told me that she is only in charge of sales whereas during the time I bought this package, she promised that I can contact her anytime for help even to book air tickets or tour packages. In her reply she asked me to contact the office but when I called she was engaged and so I ask the person to get to return my call but didn't receive any return call. ♦ NO calls and NO gifts came to me at all. I wish to cancel this package that cost me RM 989 paid by credit card. ♦

NASIHAT NCCC
Kesemua aduan yang terdapat diatas telah mengadukan tentang isu yang sama. Pengguna-pengguna tersebut telah dijanjikan cuti atau hadiah percuma oleh Syarikat tersebut untuk menjual keahlian. Selepas menjadi ahli kesemua perjanjian telah tidak ditunaikan oleh Syarikat tersebut.
Pengguna perlu berwaspada sebelum membeli keahlian daripada Syarikat tersebut sebab banyak aduan telah diterima oleh pihak NCCC tentang Syarikat ini. Pengguna berhak mendapat kembali wang yang telah dibayar jika perkhidmatan yang dijanjikan gagal ditunaikan.

DEIVIGARANI KRISHNA
NATIONAL CONSUMER COMPLAINTS CENTER (NCCC)</p> <p>♦</p>